



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

EKSPLORASI *DOODLE* ART DALAM BENTUK SENI CAHAYA

Nurhafiz Bin Hamzah

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2017**

EKSPLORASI *DOODLE ART* DALAM BENTUK SENI CAHAYA

NURHAFIZ BIN HAMZAH

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the Thursday of January 2017.

Student's Declaration:

I NURHAFIZ BIN HAMZAH (43403) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART hereby declare that the work entitled *EKSPLORASI DOODLE ART DALAM BENTUK SENI CAHAYA* is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.



NURHAFIZ BIN HAMZAH (43403)

20/1/2017

Date Submitted

Supervisor's Declaration:

I ASSOCIATE EN. ANUAR BIN AYOB here by certifies that the work entitled *EKSPLORASI DOODLE ART DALAM BENTUK SENI CAHAYA* prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS), and the aforementioned work. to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:



(EN. ANUAR BIN AYOB)

Date:

20/1/2017

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**


Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.


Student signature _____

(Date: _____)


20/1/2017

Supervisor signature _____

(Date: _____)


20/1/2017

Current Address:

NO.1068 JLN 21,TAMAN GADONG JAYA,71900 LABU, NEGERI SEMBILAN.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Eksplorasi *Doodle Art* Dalam Bentuk Seni Cahaya** telah disediakan oleh **Nurhafiz bin Hamzah** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



EN. ANUAR BIN AYOB

Penyelia

Tarikh:

20 JANUARI 2017

PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **Nurhafiz bin Hamzah** disertai penulisan yang bertajuk **Eksplorasi *Doodle Art* Dalam Bentuk Seni Cahaya** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:

A handwritten signature in black ink, consisting of a series of loops and strokes, positioned above a horizontal line.

(EN. ANUAR BIN AYOB)

Penyelia

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha pengasih lagi Maha Penyayang.

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dapat memberi kemudahan, kelapangan, dan masa yang mencukupi dalam menjalankan Projek Tahun Akhir dengan jayanya. Penyelidikan Projek Tahun Akhir ini merupakan keperluan dalam Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS.

Terlebih dahulu, saya ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi sokongan dan keperluan kewangan serta iringan doa sepanjang saya berada di UNIMAS. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini iaitu Encik Anuar bin Ayob di atas tunjuk ajar, nasihat dan curahan idea sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Tidak lupa juga penghargaan setinggi gunung kepada Cik Aslina binti Mohd Jainal kerana banyak membantu dalam penulisan serta curahan idea.

Seterusnya, jutaan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah dari Jabatan Seni Visual dan Teknologi kerana sudi membimbing serta tunjuk ajar sejak bermulanya masuk ke UNIMAS ini lagi. Tidak Lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu serta memberi semangat ketika Projek Tahun Akhir.

Sejajar dengan anjakan paradigma dalam era kontemporari ini, begitulah dominannya peranan pelajar Universiti Malaysia Sarawak khususnya merungkai pelbagai ilmu Seni Halus. Akhir kata, terimalah serangkap mutiara kata daripada saya.

"Kesusahan tidak semuanya seksaan dan yang paling pahit itu bukan semuanya racun.
Tetapi ada kalanya lebih berguna daripada kesenangan yang terus-menerus"

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Borang Pengesahan Status Laporan	i
Peugakuan	iii
Pengesahan	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Abstrak	viii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Kepentingan Kajian	3
2.0 KAJIAN LITERATUR	4
2.1 Pendahuluan	4
2.2 Bahan Bacaan	4
a. Doodle Art	4-10
b. Seni Cahaya	11-12
2.3 Artis dan Karya Rujukan	12
a. Kerby Rosanes	12-14
b. Johanna Basford	15
c. Haroon Mirza	16
d. Ivan Navarro	17
2.4 Kesimpulan	18
3.0 METODOLOGI KAJIAN	19
3.1 Pengenalan	19
3.2 Sumber Primer	19
a. Pemerhatian	19
b. Eksperimentasi	20-22
3.3 Sumber Sekunder	23
a. Buku Rujukan	23
b. Rujukan Internet	24
3.4 Kesimpulan	24

4.0 DAPATAN KAJIAN	25
4.1 Pengenalan	25
4.2 Ulasan Karya Peribadi	25-32
4.3 Kajian Teknikal	33-35
4.4 Proses Penghasilan Karya	36
a. Lakaran Idea	37
b. Lakaran Perkembangan Akhir	38-40
c. Proses Mengukir	41-43
5.0 KESIMPULAN	44

ABSTRAK

Kajian mengenai eksplorasi antara *doodle art* dalam bentuk seni cahaya. *Doodle Art* bermaksud seni coretan yang mempunyai garisan bebas dan tiada batasan garisannya. Manakala seni cahaya bermaksud pancaran yang datang dari objek yang bersinar seperti matahari, api dan lampu yang membolehkan sesuatu objek dapat dilihat. Objektif kajian ini lebih memfokuskan ciri-ciri dan elemen yang perlu ada dalam seni cahaya dan *doodle art*. Seterusnya mengeksplorasi kaedah dan teknik seni cahaya dalam mengolah karya *doodle art*. Berlandaskan kajian karya *doodle art* bertajuk 'Obsession' dihasilkan untuk memaparkan pengalaman pengkaji yang obses terhadap permainan video Nintendo, Play Station dan koleksi model kereta Hotwheels. Pengkaji mengadaptasikan obsesi ini ke dalam karya akhir dengan menerapkan karya bersifat kontemporari yang mewujudkan interaktiviti karya dengan audien menggunakan *sensor*.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha pengasih lagi Maha Penyayang.

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dapat memberi kemudahan, kelapangan, dan masa yang mencukupi dalam menjalankan Projek Tahun Akhir dengan jayanya. Penyelidikan Projek Tahun Akhir ini merupakan keperluan dalam Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS.

Terlebih dahulu, saya ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi sokongan dan keperluan kewangan serta iringan doa sepanjang saya berada di UNIMAS. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini iaitu Encik Anuar bin Ayob di atas tunjuk ajar, nasihat dan curahan idea sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Tidak lupa juga penghargaan setinggi gunung kepada Cik Aslina binti Mohd Jainal kerana banyak membantu dalam penulisan serta curahan idea.

Seterusnya, jutaan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah dari Jabatan Seni Visual dan Teknologi kerana sudi membimbing serta tunjuk ajar sejak bermulanya masuk ke UNIMAS ini lagi. Tidak Lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu serta memberi semangat ketika Projek Tahun Akhir.

Sejajar dengan anjakan paradigma dalam era kontemporari ini, begitulah dominannya peranan pelajar Universiti Malaysia Sarawak khususnya merungkai pelbagai ilmu Seni Halus. Akhir kata, terimalah serangkap mutiara kata daripada saya.

"Kesusahan tidak semuanya seksaan dan yang paling pahit itu bukan semuanya racun.
Tetapi ada kalanya lebih berguna daripada kesenangan yang terus-menerus"

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha pengasih lagi Maha Penyayang.

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dapat memberi kemudahan, kelapangan, dan masa yang mencukupi dalam menjalankan Projek Tahun Akhir dengan jayanya. Penyelidikan Projek Tahun Akhir ini merupakan keperluan dalam Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS.

Terlebih dahulu, saya ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi sokongan dan keperluan kewangan serta iringan doa sepanjang saya berada di UNIMAS. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini iaitu Encik Anuar bin Ayob di atas tunjuk ajar, nasihat dan curahan idea sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Tidak lupa juga penghargaan setinggi gunung kepada Cik Aslina binti Mohd Jainal kerana banyak membantu dalam penulisan serta curahan idea.

Seterusnya, jutaan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah dari Jabatan Seni Visual dan Teknologi kerana sudi membimbing serta tunjuk ajar sejak bermulanya masuk ke UNIMAS ini lagi. Tidak Lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu serta memberi semangat ketika Projek Tahun Akhir.

Sejajar dengan anjakan paradigma dalam era kontemporari ini, begitulah dominannya peranan pelajar Universiti Malaysia Sarawak khususnya merungkai pelbagai ilmu Seni Halus. Akhir kata, terimalah serangkap mutiara kata daripada saya.

"Kesusahan tidak semuanya seksaan dan yang paling pahit itu bukan semuanya racun.
Tetapi ada kalanya lebih berguna daripada kesenangan yang terus-menerus"

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Borang Pengesahan Status Laporan	i
Pengakuan	iii
Pengesahan	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Abstrak	viii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Kepentingan Kajian	3
2.0 KAJIAN LITERATUR	4
2.1 Pendahuluan	4
2.2 Bahan Bacaan	4
a. Doodle Art	4-10
b. Seni Cahaya	11-12
2.3 Artis dan Karya Rujukan	12
a. Kerby Rosanes	12-14
b. Johanna Basford	15
c. Haroon Mirza	16
d. Ivan Navarro	17
2.4 Kesimpulan	18
3.0 METODOLOGI KAJIAN	19
3.1 Pengenalan	19
3.2 Sumber Primer	19
a. Pemerhatian	19
b. Eksperimentasi	20-22
3.3 Sumber Sekunder	23
a. Buku Rujukan	23
b. Rujukan Internet	24
3.4 Kesimpulan	24

4.0 DAPATAN KAJIAN	25
4.1 Pengenalan	25
4.2 Ulasan Karya Peribadi	25-32
4.3 Kajian Teknikal	33-35
4.4 Proses Penghasilan Karya	36
a. Lakaran Idea	37
b. Lakaran Perkembangan Akhir	38-40
c. Proses Mengukir	41-43
5.0 KESIMPULAN	44

ABSTRAK

Kajian mengenai eksplorasi antara *doodle art* dalam bentuk seni cahaya. *Doodle Art* bermaksud seni coretan yang mempunyai garisan bebas dan tiada batasan garisannya. Manakala seni cahaya bermaksud pancaran yang datang dari objek yang bersinar seperti matahari, api dan lampu yang membolehkan sesuatu objek dapat dilihat. Objektif kajian ini lebih memfokuskan ciri-ciri dan elemen yang perlu ada dalam seni cahaya dan *doodle art*. Seterusnya mengeksplorasi kaedah dan teknik seni cahaya dalam mengolah karya *doodle art*. Berlandaskan kajian karya *doodle art* bertajuk 'Obsession' dihasilkan untuk memaparkan pengalaman pengkaji yang obses terhadap permainan video Nintendo, Play Station dan koleksi model kereta Hotwheels. Pengkaji mengadaptasikan obsesi ini ke dalam karya akhir dengan menerapkan karya bersifat kontemporari yang mewujudkan interaktiviti karya dengan audien menggunakan *sensor*.

1.0 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penghasilan karya seni yang menggunakan kaedah terkini iaitu dari segi teknologi semakin berkembang dan popular. Hal ini demikian kerana, kepesatan dunia sains dan teknologi yang semakin mewarnai kehidupan kontemporari telah mencetuskan suatu bentuk medium dan penyampaian baru. Eksplorasi antara *doodle art* dan seni cahaya boleh diketengahkan sebagai suatu bentuk karya baru.

Menurut Barbara Broido (2012), *doodle art* atau lebih dikenali sebagai seni coretan yang mempunyai garisan bebas dan tiada batasan garisannya. Terdapat beberapa jenis *doodle art* yang dikenal pasti iaitu kartun, lakaran komik, mencipta makhluk fiksyen, landskap, bentuk geometri, corak dan tekstur. Menurut beliau, penggunaan pen dan pensel serta kertas merupakan peralatan yang mudah untuk menghasilkan *doodle art*.

Doodle art boleh dijadikan lebih menarik dari segi penyampaian apabila digabungkan dengan seni cahaya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), cahaya bermaksud pancaran yang datang dari objek yang bersinar seperti matahari, api dan lampu yang membolehkan sesuatu objek dapat dilihat. Terdapat pelbagai jenis lampu yang pernah dijadikan sebagai karya daripada pelbagai artis seperti lampu pijar, neon, halogen, dan *Light Emitting Diode* (L.E.D).

Justeru itu, gabungan antara *doodle art* dalam karya seni cahaya merupakan hasil kajian daripada inovasi teknologi terkini. Penggunaan media dalam berkarya

adalah tidak terhad serta bebas. Penghasilan karya yang menggabungkan seni dan teknologi dapat diaplikasikan ke dalam karya yang menjurus ke arah kontemporari.

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani (2005), mengatakan keghairahan pada zaman teknologi mengajak generasi baru pengamal dan pengkarya seni membuat pembaharuan dalam teknologi terkini sebagai suatu seni bentuk baru. Hal ini dapat diselaraskan melalui kajian pengkaji dalam eksplorasi antara *doodle art* dalam bentuk penghasilan seni cahaya. Melalui kajian ini, pengkaji mengeksplorasi *doodle art* dengan menggunakan seni cahaya yang sebelum ini hanya menggunakan media konvensional iaitu pen dan pensel. Justeru itu, teknologi digunakan pada hari ini dapat menambahkan kecenderungan kepada penemuan baru oleh para pelukis dalam media dan proses seni, serta melihat kesan yang boleh diperolehi daripada gabungan kedua-dua unsur tersebut iaitu seni dan teknologi menjadi karya kontemporari.

1.3 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti ciri-ciri dan elemen yang perlu ada dalam seni cahaya dan *doodle art*.
- ii. Mengeksplorasi kaedah dan teknik seni cahaya dalam mengolah karya *doodle art*.
- iii. Mengetengahkan karya *doodle art* dalam seni cahaya untuk mencipta suatu bentuk karya yang kontemporari.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah ciri-ciri dan elemen yang perlu ada dalam seni cahaya dan *doodle art*?
- ii. Bagaimanakah cara kaedah dan teknik seni cahaya mengolah *doodle art* dalam karya?
- iii. Bagaimanakah *doodle art* dan seni cahaya boleh dipraktikkan untuk menjadi karya yang baik?

1.5 Kepentingan Kajian

- i. Dapat menjadikan sebuah karya seni media baru hasil daripada gabungan antara *doodle* dan seni cahaya.
- ii. Mampu memberi impak dan kesan positif terhadap karya serta pemerhati.
- iii. Seni dapat dikembangkan melalui elektronik seperti bunyi, cahaya dan media baru bukan sahaja untuk tujuan aktiviti harian, malah menghasilkan karya seni untuk menyampaikan mesej tertentu.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Kajian literatur ini penting untuk pengesahan bukti-bukti pengkaji melalui sumber-sumber kajian dan bahan rujukan yang telah dikumpulkan maklumatnya dalam kajian. Selain itu, kajian literatur bertujuan membuktikan kesahihan sesuatu hasil kajian sebagai sokongan dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji membuat kajian daripada sumber-sumber ilmiah seperti rujukan dari buku, jurnal dan artikel yang berkaitan. Selain itu, laman web juga merupakan maklumat tambahan dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji untuk mencari maklumat serta karya yang berkaitan dengan *doodle art* dan seni cahaya.

2.2 Bahan Bacaan

a) *Doodle art*

Coretan atau *doodle* bermaksud garis panjang, atau garis-garis yang tidak tentu halanya. Sebagai contoh, gambar atau tulisan yang dilukis dengan garisan-garisan yang pelbagai, bebas dan tidak terhad, Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Menurut Aprinda Rizky (2015), *doodle* berasal dari kata kerja pada abad ke-18 sebagai coretan-coretan, yang membawa maksud untuk 'menipu' atau 'membodohi' dan berkemungkinan *doodle* berasal dari Jerman atau Nudeltopf Dusseldorf. Makna bodoh yang dimaksudkan dalam judul lagu Yankee Doodle yang dinyanyikan oleh pasukan kolonial Inggeris sebelum Perang Revolusi Amerika.

Beliau juga turut menyatakan contoh filem berkaitan *doodle*, seperti dalam filem *Mr Deeds Goes to Town*, *Mr Deeds* yang menyebutkan bahawa *doodle* adalah kata yang menggambarkan coretan untuk membantu seseorang berfikir. *Doodle* adalah salah satu yang dianggap tertua keseniannya sebelum sistem pengenalan tulisan, *doodling* terdapat di dinding gua pada zaman dahulu dan dijadikan alat untuk menceritakan sebuah kisah turun temurun yang asalnya bermula dari Jerman dan keseniannya yang tertua di dinding gua pada zaman dahulu yang mudah dicoret tanpa sebarang batasan.

Manakala menurut Barbara Broido (2012), *doodle* ini berkemungkinan sudah biasa dengan coretan mudah yang boleh mempunyai makna atau mungkin hanya berbentuk abstrak. Kenyataan ini disokong oleh Aprinda Rizky (2015), yang mengatakan *doodle* merupakan suatu gaya yang menggambar dengan cara mencoret, kelihatan abstrak, ada yang tidak bermakna dan ada yang bermakna. Malah menurut beliau lagi, karya yang dihasilkan tidak memiliki bentuk yang benar atau tepat namun berpotensi untuk kelihatan lebih unik dan menarik. Tambahan beliau, *doodle* adalah sebuah gambar atau gambaran yang tidak fokus atau tidak sedar dilakukan ketika perhatian atau tumpuan seseorang itu jika tidak berada di tempatnya.

Jasper Johns (2014) turut menyatakan, lukisan imaginatif atau fantasi mungkin termasuk dalam *doodle* pelik yang tidak berkaitan atau hanya terlintas dari ingatan fikiran otak. Sebaliknya, menurut Helen South dalam artikel *Drawing Sketching Expert*, *doodle* dianggap penting dalam diri seseorang. Penilaian yang digunakan oleh ahli psikologi saintifik dan profesional diuji untuk memikirkan makna coretan boleh

membantu dalam menjiwai perasaan dan dapat membangunkan idea yang kreatif.

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji dapat menguatkan lagi fakta tentang makna, ciri-ciri dan sejarah kajian yang akan dijadikan sebagai panduan. *Doodle art* ini berkemungkinan mampu meyakinkan pengkarya dan pemerhati. Semakin tekun dan semangat *doodle* yang dibuat dengan perasaan, semakin menarik hasil yang diperolehi bukan sekadar aktiviti coretan semata-mata, tetapi juga mempunyai kedalaman makna dan gaya. Ternyata bahawa *doodle* ini merupakan titik permulaan seni yang berpotensi untuk kelihatan unik dan menarik yang telah dikatakan oleh Aprinda Rizky (2015).

ii. Teknik *Doodle Art*

Menurut Aprinda Rizky (2015), terdapat tiga teknik *doodle art* antaranya ialah *Unplanned Doodle*, *Semi Unplanned Doodle* dan *Planned Doodle* yang menggambarkan secara spontan dalam bentuk *freehand*. Menurut beliau lagi, teknik menggambar *doodle* pada umumnya menggunakan bahan media seperti arsir, blok, linear, *dusel pointilis*, *aquarel* dan *plakat* yang merupakan panggilan khusus dalam teknik *doodle* ini.



Figura 1

'Taipei'
Teknik Unplanned Doodle
Akrilik dan dakwat
30 x 22

Karya 'Taipei' (rujuk *Figura 1*) yang telah dihasilkan oleh Eric Charles Olmstead menggunakan medium akrilik dan dakwat yang menggunakan teknik *Unplanned Doodle*. *Unplanned Doodle* yang dimaksudkan ialah menghasilkan coretan tanpa sebarang sketsa. Dari segi penggunaan warna yang digunakan adalah campuran daripada warna-warna terang, dan latar belakang yang spontan. Karya ini menunjukkan di sesebuah kawasan yang bernama 'Taipei'. Kelihatan bangunan menjadi mercu tanda sebagai tajuk karya yang ingin disampaikan oleh beliau.



Figura 2

'Cultural Tsunami'
Teknik Semi Unplanned Doodle
Dakwat atas Kertas Gesso
25 x 19

Manakala *Semi Unplanned Doodle* adalah teknik menggambar coretan secara spontan dan langsung tetapi menggunakan sketsa. Contoh gambaran karya *doodle* untuk teknik ini boleh dirujuk pada karya 'Cultural Tsunami' (rujuk *Figura 2*) yang telah dihasilkan oleh Eric Charles Olmstead. Karya ini menceritakan budaya dan keperluan masyarakat di sesuatu tempat. Terdapat sketsa daripada *doodle* yang dihasilkan oleh beliau. Karya ini menggunakan dakwat atas kertas *Gesso* dan berukuran 25 x 19.



Figura 3

'Flower Face'
Teknik Planned Doodle
17 x 22

Seterusnya *Planned Doodle* adalah teknik menggambar coretan dengan rencana atau menggunakan sketsa terlebih dahulu agar hasilnya lebih berkonsep dan mempunyai makna. Karya 'Flower Face' (rujuk *Figura 3*), ini dihasilkan oleh Pat Perry. Beliau merupakan seorang artis yang cenderung ke arah *doodle art*. *Doodle* yang dihasilkan begitu halus serta memberi makna tersendiri. Karya ini mempunyai rencana tersendiri yang kelihatan seperti bentuk bunga serta batangnya apabila dipandang dari kedudukan yang jauh. Selain itu, karya ini juga mempunyai konsep dan bukan sekadar coretan.